

## APAKAH LEUKEMIA?

Leukemia adalah kanser dara

Leukemia terjadi apabila sum-sum tulang (yang merupakan "kilang" pengeluaran sel dalam badan kita) mula mengeluarkan banyak sel darah putih yang tidak normal dan tidak berfungsi yang dipanggil sel-sel leukemia atau "blast". Ini menyebabkan kanak-kanak yang menghidap leukamia lebih mudah mendapat jangkitan. Sel-sel leukamia ini juga mencegah sel-sel darah lain dalam sum-sum tulang dari terbentuk.

## APAKAH PENYEBAB LEUKEMIA?

Para pakar masih tidak mengetahui punca terjadinya leukemia. Namun tetapi, terdapat beberapa faktor yang diketahui boleh meningkatkan risiko berlakunya leukemia:

- ▶ Keadaan genetik seperti Down Syndrome
- ▶ Radiasi yang berlebihan
- ▶ Bahan-bahan kimia perindustrian

### Tiada bukti

- ▶ Kabel bervoltan tinggi
- ▶ Microwave

Pada kebiasaannya, kanak-kanak yang menghidap leukaemia tidak mempunyai faktor-faktor risiko.

## JENIS-JENIS LEUKEMIA


Jenis-jenis leukemia dikalangan kanak-kanak :

- ▶ Acute Lymphoblastic Leukemia (**ALL**) -75%
- ▶ Acute Myeloid Leukemia (**AML**) -20-25%
- ▶ Chronic Myeloid Leukemia (**CML**)-3-5%



Perkataan "acute" bermaksud penyakit tersebut berkembang dengan cepat/pantas. Perkataan "lymphoblastic" dan "myeloid" merujuk kepada jenis sel-sel darah putih yang terlibat.

## APAKAH SIMPTOM-SIMPTOM / GEJALA LEUKEMIA?

- ▶ Demam dan jangkitan berlaku dengan kerap disebabkan kekurangan bilangan sel-sel darah putih yang biasa untuk melawan jangkitan
- ▶ Keadaan pucat dan letih, disebabkan kekurangan sel-sel darah merah



- ▶ Mudah lebam dan berdarah disebabkan bilangan platelet yang rendah (sejenis sel untuk pembekuan darah)
- ▶ Bengkak pada bahagian leher/ pangkal paha/ bawah ketiak – berpunca daripada pembesaran nodus limfa




- ▶ Kembang perut disebabkan pembengkakan hati atau limpa
- ▶ Kesakitan pada tulang disebabkan sum-sum tulang terpaksa bekerja lebih kuat untuk membentuk lebih banyak sel leukemia
- ▶ Jika penyakit telah menular ke bahagian otak, pesakit mungkin mengalami sakit kepala, sawan atau strok (lemah sebelah badan)

- ▶ Bagi lelaki, pembesaran buah zakar sebelah menunjukkan ia telah merebak.

## BAGAIMANAKAH IANYA DI DIAGNOS (MENCARI PUNCA PENYAKIT)?

Leukemia dalam kalangan kanak-kanak didiagnos dengan cara melakukan ujian darah yang mudah dan daripada kajian sum-sum tulang yang diambil daripada bahagian tulang punggung.



Doktor yang merawat akan menjelaskan ujian-ujian tersebut dengan lebih terperinci kepada anda



**Bone marrow aspiration**

## BAGAIMANAKAH LEUKEMIA DI RAWAT?

- ▶ **Kimoterapi** merupakan kaedah rawatan utama. Ubat-ubatan antikanser digunakan untuk membunuh sel-sel kanser tersebut. Kombinasi ubat-ubatan ini diberi dalam pelbagai cara: pil, suntikan ubat melalui saluran darah, suntikan ubat terus kepada cecair tulang belakang (IT), dan suntikan ubat ke dalam otot



Untuk kanak-kanak, saluran khas bernama "central line" atau "chemoport" dipasang untuk mengurangkan rasa sakit semasa memberi kimoterapi dan mengambil darah.

Kimoterapi diberi dalam beberapa fasa :-

- **Fasa Induksi** ialah rawatan intensif untuk 8 minggu yang pertama. Rawatan ini bertujuan untuk membunuh kebanyakan sel leukemia. Pada minggu terakhir, kebiasaannya tidak lagi terdapat sel leukemia dikesan dalam sum-sum tulang.

- **Fasa pengukuhan** : Bertujuan untuk membunuh baki sel-sel leukemia.

- **Fasa pencegahan pemerebakan penyakit ke otak** mencegah sel leukemia daripada merebak ke cecair otak.

- **Fasa Penjagaan** : Fasa terakhir ini berlangsung untuk 1-2 tahun. Mengurangkan peluang sel leukemia untuk timbul semula

► **Pemindahan Sum-sum Tulang** : Ini hanya sesuai untuk sesetengah pesakit yang menghidap AML atau pesakit ALL yang berisiko tinggi atau yang berulang. Untuk tujuan pemindahan, ujian-ujian khas mesti dilakukan terhadap pesakit dan adik-beradiknya untuk mencari penderma yang sesuai.

► **Rawatan sokongan** : Rawatan-rawatan lain termasuk antibiotik (untuk melawan jangkitan), transfusi produk darah (bila sel-sel darah atau platelet tidak mencukupi).

## KESAN SAMPINGAN KIMOTERAPI

► Baik leukemia mahupun rawatannya akan memberi kesan terhadap sum-sum tulang, iaitu mengurangkan pembentukan sel darah. Kesan sampingan termasuk:

- :: kurang darah merah menyebabkan keletihan
- :: kurang darah putih menyebabkan daya tahanan rendah dan risiko mengalami jangkitan lebih tinggi,
- :: kurang darah beku boleh menyebabkan lebam dan risiko pendarahan lebih tinggi

- keguguran rambut,
- kadangkala ulser mulut, perut sakit dan cirit birit
- alahan

## BOLEHKAH PESAKIT LEUKEMIA SEMBUH?

Beribu-ribu pesakit leukemia dapat melawan penyakit dan sekarang hidup seperti biasa. Tiada sesiapa pun yang boleh meramal respon seseorang pesakit kepada kimoterapinya. Lazimnya jika 5 tahun telah berlalu selepas rawatan, hal ini boleh dikirakan sebagai sembuh sepenuhnya

# Memahami Penyakit LEUKEMIA?

SARAWAK  
GENERAL HOSPITAL  
PAEDIATRICS DEPARTMENT  
*In collaboration with*  
Sarawak Children Cancer Society



**Sarawak Children's Cancer Society**

Lot 5493, Lorong 15, Taman Desa Wira, Jalan Batu Kawa 93250 Kuching

Tel: 082-686276 Fax: 082-686376

[www.sccs.org.my](http://www.sccs.org.my)

Facebook: Sarawak Children's Cancer Society